



GARIS PANDUAN PERANCANGAN

PENYEDIAAN DAN PERLETAKAN

TIANG BENDERA

BAGI PEMBANGUNAN BAHARU DAN KEKAL DI WPKL





01 | PENGENALAN

Bendera merupakan sebuah lambang kewujudan dan kedaulatan sesebuah wilayah, negeri atau negara. Bendera juga menjadi simbol semangat patriotik dalam mempertahankan maruah bangsa, agama dan negara. Bendera merupakan hak multak rakyat Malaysia. Sesiapa sahaja boleh mengibarkan bendera namun ia perlulah dikibarkan mengikut amalan-amalan baik dan penuh etika seperti kesesuaian tempat, masa, kedudukan saiz, tiang dan susunannya.

Justeru itu, penyelarasan berhubung etika ini perlulah diselaraskan terutamanya di bangunan-bangunan sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur agar bendera yang disusun dan dikibarkan dalam keadaan baik serta kemas. Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melalui Jabatan Perancangan Bandaraya (JPRB) telah menetapkan syarat di dalam Perintah Pembangunan berkaitan perancangan dalam perletakan tiang bendera di semua pembangunan baharu dan kekal di WPKL.

02 | TUJUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan untuk penyediaan tiang bendera yang perlu disyaratkan dalam setiap bangunan Baharu yang akan dibina di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

03 | SKOP

Garis panduan ini terpakai bagi semua pembangunan kekal di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

04 | OBJEKTIF

- (i) Memastikan tiang bendera di tempatkan di lokasi yang bersesuaian.
- (ii) Memastikan keseragaman bilangan tiang bendera yang perlu disediakan di setiap pembangunan.

05 | JENIS PEMBANGUNAN YANG PERLU DI SYARATKAN PENYEDIAAN TIANG BENDERA

No.	Jenis Pembangunan	Komponen Pembangunan
1.	Pembangunan 'Free Standing'	<ul style="list-style-type: none"> (i) Perumahan berbilang tingkat contohnya pangsapuri, kondominium, apartmen. (ii) Perdagangan bercirikan kediaman contohnya pangsapuri perkhidmatan, hotel, SOHO. (iii) Perdagangan contohnya pejabat, kompleks perdagangan, kompleks beli-belah (iv) Institusi contohnya bangunan Pusat Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, bangunan-bangunan Kerajaan/agensi kerajaan seperti sekolah, balai polis, balai bomba, pejabat kerajaan, hospital, pusat perlindungan, kuarters kerajaan. (v) Bangunan kemudahan contohnya dewan, masjid, pasar, tadika (vi) Industri
2.	Skim Pembangunan Berteres	<ul style="list-style-type: none"> (i) Rumah kedai (ii) Kedai pejabat (iii) Industri
3.	Skim Pembangunan Bertanah Strata (Landed Strata)	<ul style="list-style-type: none"> (i) Kediaman berpagar (Gated & Guarded) (ii) Komersial (iii) Industri

06 | GARIS PANDUAN KHUSUS PENYEDIAAN TIANG BENDERA

Jenis Pembangunan	Bilangan Tiang/Jenis Bendera	Lokasi	Ketinggian	Arah Pandangan Bendera
Pembangunan "Free Standing" (i) Perumahan berbilang tingkat (ii) Perdagangan (iii) Institut (iv) Bangunan kemudahan (v) Industri	Minimum 2 bendera	(i) Perlu berada di dalam sempadan lot. (ii) Di kawasan Hakmilik Bersama (Common Property). (iii) Mudah dilihat pada pandangan awam iaitu : - Di atas tanah di hadapan jalan masuk utama - Atas bumbung rop off - Di atas podium (tidak melebihi 3 tingkat dari aras jalan) [Rujuk kepada Lampiran A] (iv) Apa-apa tambahan kepada bilangan tiang digalakkan bersambungan di deretan yang sama dengan tiang sediaada.	(i) Tiang-tiang yang digunakan Bagi mengibarkan bendera hendaklah bersesuaian dari segi ketinggian dan lilitan dengan ukuran bendera. (ii) Ketinggian tiang bendera hendaklah tidak kurang dari 20 kaki tinggi. (iii) Apabila lebih dari dua (2) tiang bendera disediakan, ketinggian tiang-tiang tersebut tidak perlu berbeza-beza. [Rujuk kepada Lampiran B]	Daripada pandangan luar kawasan bangunan memandang ke arah bangunan. [Rujuk kepada Lampiran D]
Skim Pembangunan Berteres (i) Rumah kedai (ii) Kedai Pejabat (iii) Industri	1 bendera sahaja	Pada permukaan fasad hadapan di sebelah kanan di aras satu sahaja. [Rujuk kepada Lampiran C]	(i) Ketinggian tiang bendera hendaklah 5 kaki / 1.5 meter (ii) Sudut kecondongan adalah 45 darjah dengan diameter tiang 45mm (iii) Saiz bendera hendaklah 1.5 meter	
Skim Pembangunan Bertanah Strata (Landed Strata) (i) Kediaman Berpagar (Gated & Guarded) (ii) Komersial (iii) Industri	Minimum 2 bendera	(i) Perlu berada di dalam sempadan lot. (ii) Di kawasan Hakmilik Bersama (Common Property). (iii) Mudah dilihat pada pandangan awam iaitu di atas tanah di hadapan jalan masuk utama. (iv) Apa-apa tambahan kepada bilangan tiang digalakkan bersambungan di deretan yang sama dengan tiang sediaada.	(i) Ketinggian tiang bendera hendaklah tidak kurang dari 20 kaki tinggi. (ii) Apabila lebih dari dua (2) tiang bendera disediakan, ketinggian tiang-tiang tersebut tidak perlu berbeza-beza. [Rujuk kepada Lampiran B]	

07 | KESELAMATAN DAN KEKUKUHAN STRUKTUR

Pemaju dikehendaki memastikan struktur tiang bendera yang disediakan berada dalam keadaan kukuh dan selamat bagi menjaga keselamatan awam.

08 | PENYELENGGARAAN TIANG DAN BENDERA

Pemilik dikehendaki memastikan tiang bendera dan bendera sentiasa diurus dan diselenggara secara berkala supaya ianya berada dalam keadaan bersih, kemas dan selamat. Bendera mestilah dibersihkan dari sebarang kotoran dan kecacatan yang boleh menyebabkan identiti bendera tersebut tercemar. Bendera yang koyak dan bertukar warna adalah dianggap sebagai bendera yang tidak lengkap. Bendera yang tidak lengkap hendaklah tidak dikibarkan kerana pengibarannya menunjukkan tanda tidak hormat.


09 | TARIKH KUATKUASA

Dasar perancangan ini telah berkuatkuasa pada 1 Februari 2018 dan diterbitkan semula pada 2024

LAMPIRAN A



Contoh Pemasangan Tiang Bendera Di Atas Podium (Tidak Melebihi 3 Tingkat Dari Aras Jalan)





Contoh Pemasangan Tiang Bendera Di Atas Bumbung Drop Off



Contoh Pemasangan Tiang Bendera Di Atas Tanah Di Hadapan Jalan Masuk Utama

LAMPIRAN B


KETINGGIAN TIANG BENDERA






LAMPIRAN C

PEMATUHAN LOKASI DAN SUDUT KECONDONGAN TIANG BENDERA BAGI SKIM PEMBANGUNAN BERTERES



Lakaran Perletakan Tiang Bendera Di Fasad
Hadapan Sebelah Kanan Di Aras Satu




Kecondongan Tiang Bendera Yang Boleh
Dibenarkan



Ilustrasi Perletakan Tiang Bendera bagi Skim
Pembangunan Berteres

LAMPIRAN D

PENETAPAN ARAH PANDANGAN BENDERA



Arah Pandangan Bendera Adalah Dari Pandangan Luar Bangunan Pemandang Ke Arah Bangunan Berkenaan

BAHAN RUJUKAN

- (i) Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1994, Jabatan Perdana Menteri, Malaysia.
- (ii) Tatacara Pemasangan Bendera & Gegantung-Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan, Sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2017, Jabatan Perancangan Korporat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.



**TERIMA KASIH
JABATAN PERANCANGAN BANDARAYA
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**



Hubungi:

Unit Garis Panduan Kawalan Perancangan & Urusetia SIA
Tingkat 10, Menara DBKL 1,
Jalan Raja Laut, 50350,
Kuala Lumpur
Tel: 03- 2617 9632/33
Email : unitgpjprb@dbkl.gov.my